



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

JAWATAN	:	PEMANDU KENDERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN	:	H11
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM1,218.00 RM2,939.00 RM80.00
SYARAT LANTIKAN	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a. warganegara Malaysia; dan b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c. i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan ii. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan iii. berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu: a. Lesen D: RM1,264.15 b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30 c. Lesen F/H: RM1,356.45 d. Lesen G/I: RM1,402.60
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
DESKRIPSI TUGAS	:	Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan tractor pertanian.